



Headline: Rugi RM4,000 diperdaya melalui media sosial
Publication/Portal: Utusan Sarawak
Date: 5 April 2019

Language: Malay
Section: Berita Perdana
Page: 2

Rugi RM4,000 diperdaya melalui media sosial

SIBU:Seorang wanita peniaga kedai kopi mengalami kerugian lebih RM4,000 selepas menjadi mangsa penipuan mendapatkan pinjaman peribadi yang tidak wujud.

Ketua Polis Daerah Sibu, ACP Stanley Jonathan Ringgit berkata, pengadu, 37, telah tertarik dengan tawaran pinjaman tersebut menerusi laman sosial Facebook.

"Pengadu yang terdesak mencari modal untuk membuka sebuah lagi kedai telah berurusan dengan seorang lelaki yang dikenalnya melalui media sosial dan berminat untuk meminjam sebanyak RM50,000," jelasnya menerusi satu kenyataan petang semalam.

Katanya, pengadu kemudian diberitahu suspek bahawa dia perlu membayar dengan memasukkan wang ke dalam satu akaun sebagai pembayaran wang pendaftaran, pembayaran 'runner', pembayaran proses bank dan pembayaran guaman.

"Tanpa curiga, pengadu terus membuat pembayaran ke akaun yang diberi suspek melalui laman transaksi dengan jumlah RM4,110.

"Pada 1 April lalu, pengadu diberitahu untuk menunggu jawapan selama dua hari, namun duit pinjaman belum juga diterimanya.

"Pengadu menghubungi ejen terbabit untuk bertanyakan tentang pinjaman tersebut, pelbagai alasan yang tidak munasabah diberikan," ujarnya.

ACP Stanley berkata, pengadu kemudian membuat laporan polis selepas tersedar dirinya ditipu.

Katanya lagi, tujuan pengadu memohon pinjaman adalah untuk membuka sebuah lagi kedai.

"Terasa tertipu, pengadu membuat laporan polis Rabu lalu dan kes disiasat dibawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," tegasnya.



KETUA POLIS DAERAH SIBU—ACP Stanley Jonathan Ringgit.